



---

## **PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 6 TAHUN 2020**

---

### **PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER II SESI 2019/2020 DAN SEMESTER I SESI 2020/2021 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**25 APRIL 2020**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

UTeM.02.12.04/100-3/14 ( 19 )

25 April 2020

## **PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2020**

### **PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER II SESI 2019/2020 DAN SEMESTER I SESI 2020/2021 DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pada Semester II Sesi 2019/2020 dan Semester I Sesi 2020/2021 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyurat Senat yang dilaksanakan secara edaran pada 22 April 2020 telah bersetuju untuk menyambung semula Semester II Sesi 2019/2020, penetapan Semester I Sesi 2020/2021 dan melaksanakan PdP secara atas talian mulai 04 Mei 2020 sehingga Disember 2020. Pelajar-pelajar tidak perlu pulang ke kampus UTeM untuk menyambung Semester II Sesi 2019/2020 dan Semester I Sesi 2020/2021.
- 2.2 Walau bagaimanapun, pelaksanaan PdP secara atas talian bagi setiap kursus mestilah mengikut perubahan kalender akademik terkini yang ditetapkan oleh Universiti. Pelaksanaan PdP perlu mengikut jadual waktu sedia ada.

### **3.0 KAEADAH PELAKSANAAN PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN AKHIR**

- 3.1 Semua penilaian dan peperiksaan akhir dicadangkan dibuat dengan kaedah atas talian. Oleh yang demikian, pelajar tidak perlu pulang ke Kampus UTeM untuk mengambil Peperiksaan Akhir secara bersemuka. Jadual Peperiksaan juga masih dibuat bagi memastikan integriti masa peperiksaan dijaga. Garis Panduan Peperiksaan Akhir akan dikeluarkan dalam masa terdekat.
- 3.2 Bagi pelaksanaan peperiksaan akhir, kursus yg mempunyai lebih dari satu (1) seksyen boleh menyediakan set soalan yg berlainan untuk setiap seksyen dalam menjaga integriti peperiksaan.
- 3.3 Bagi Program Kejuruteraan, peperiksaan akhir dicadangkan dilakukan secara atas talian.
- 3.4 Soalan Peperiksaan mestilah disediakan dalam berbentuk *open-book* atau seumpamanya dan merangkumi Penilaian Bloom Taxonomy pada level ke 3 dan ke atas iaitu lebih berbentuk *Application* (C3), *Analysis* (C4), *Evaluation* (C5) dan *Creating* (C6).
- 3.5 Soalan berbentuk *open-book* atau seumpamanya pada level *Remember* (C1) dan *Understand* (C2) perlu dihindari bagi mengelak berlaku peniruan dalam etika penilaian. Soalan yang menilai level ini boleh digunakan dalam mana-mana penilaian berterusan yang lain bagi kursus tersebut.
- 3.6 Setiap soalan peperiksaan yang disediakan mestilah memenuhi keperluan Standard ISO Universiti yang telah ditetapkan.
- 3.7 Bagi Program Bukan Kejuruteraan, soalan penilaian akhir seperti Ujian ataupun apa-apa kaedah Penilaian Akhir, juga boleh merangkumi seperti Perkara 3.4 hingga Perkara 3.6 yang dinyatakan di atas.
- 3.8 Bagi kursus bersifat *Student Centred Learning* (SCL) seperti PSM, IDP, Projek Diploma, Projek Sarjana. Penilaian boleh dijalankan secara berterusan menerusi atas talian. Contohnya adalah seperti Pembentangan Projek secara Video, Penilaian Laporan Akhir dan sebagainya. Walaupun begitu, sebarang aktiviti penilaian PdP ini masih lagi tertakluk kepada

keperluan badan akreditasi atau standard bagi program masing-masing dan memenuhi pematuhan ISO 9001: 2015.

- 3.9 Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan kerajaan dari masa ke masa.
- 3.10 Pelaksanaan PdP secara atas talian ini juga boleh merujuk kepada Garis Panduan e-Pembelajaran dan e-Pentaksiran Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Tempoh PKP di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ini berkuat kuasa mulai **22 April 2020**.

Oleh yang demikian, Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2020 mengenai Pelaksanaan Akademik Semester II Sesi 2019/2020 Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTeM) bertarikh 27 Mac 2020 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**  
Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka